



KONSERT CANSELOR ... Yang di-Pertua Negeri, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin serta isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah, diiringi bersama Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud serta isteri, Puan Sri Ragad Waleed Alkurdi Taib tiba bagi menyaksikan Konsert Canselor UNIMAS 2011, di Dewan Santapan DUN baru, di Kuching, malam tadi. Turut kelihatan Datu Dr. Hatta Solhi dan Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab Hamid.

• AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

US Isnin 24-1-11 M/S 1

Unimas sasar RM100,000 menerusi Konsert Canselor

KUCHING, Ahad – Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mensasarkan kutipan dana sebanyak RM100,000 menerusi Konsert Canselor 2011 yang diadakan malam tadi untuk disalurkan kepada badan amal di negeri ini.

Dana yang berjaya dikumpul juga akan dialurkan kepada tabung kebajikan kakitangan serta pelajar universiti tersebut.

Naib Canselor Unimas, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid berkata, konsert yang julung kali diadakan itu dilihat sebagai landasan terbaik untuk mendedahkan pelajar dengan masyarakat dan mengetengahkan bakat mereka.

"Ini adalah langkah universiti (Unimas) terlibat

secara langsung dengan masyarakat dan menjalankan aktiviti amal.

"Menerusi konsert ini, pelajar yang berbakat dapat memperkenalkan bakat masing-masing memandangkan kita mempunyai orkestra sendiri," katanya kepada Utusan Sarawak semasa Konsert Canselor 2011 di Dewan Santapan DUN baru, Petra Jaya di sini, malam tadi.

Konsert tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan universiti berkenaan kepada Yang di-Pertua Negeri Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin yang juga merupakan Canselor Unimas atas sumbangan dan kepimpinan beliau.

Hadir sama pada konsert berkenaan ialah Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah, Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Ragad Waleed Alkurdi Taib.

Konsert berkenaan disajikan dengan beberapa lagu pelbagai genre termasuk klasikal, eksperimental, kontemporari, tradisional, keroncong dan pop moden yang akan dipersembahkan oleh pelajar Program Muzik bersama pensyarah dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Unimas.

Beberapa personaliti turut hadir menyerikan konsert tersebut seperti Bob Akademi Fantasia (AF) dan Dato Mahadzir Lokman selaku pengacara majlis.